

NG -- MAHATHIR

1
KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK HARI INI BERKATA BAHAWA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD GEMBIRA PARTI ITU DAPAT MENYELESAIKAN KRISIS KEPIMPINANNYA.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA, PERDANA MENTERI GEMBIRA BAHAWA MCA BERUPAYA MENYELESAIKAN MASALAH ITU TANPA MELIBATKAN PERTANDINGAN.

SEMALAM PARTI ITU MENGUMUMKAN BAHAWA TIMBALAN PRESIDEN MCA, DATUK LEE KIM SAI, TELAH MEMBATLAKNA HASRATNYA UNTUK MEREBut JAWATAN TERTINGGI PARTI DARIPADA DATUK SERI DR LING.

DATUK SERI DR LING, YANG MENGHADIRI MESYUARAT MINGGUAN KABINET SEBELUM ITU BERKATA, MENTERI-MENTERI KABINET YANG LAIN JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PARA PEMIMPIN MCA KERANA MEMBUAT KEPUTUSAN SEDEMIKIAN.

KATANYA, MCA AKAN SEGERA MEMBUAT MEMBUAT PERSIAPAN BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- LAGI
1753MST 18 07 90

D123

R B791 AAB
LING - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, BELIAU AKAN MENGADAKAN LAWATAN KE SELURUH NEGARA BAGI MENERANGKAN PERKEMBANGAN TERBARU DALAM MCA ITU KEPADA PARA PERWAKILAN PARTI YANG AKAN MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PARTI ITU PADA 28 DAN 29 JULAI INI.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN UNTUK MENENTANGNYA KETIKA KEMPEN MEREbut JAWATAN PRESIDEN ITU MERUPAKAN +RAHMAT+ KERANA BELIAU BERPELUANG UNTUK MEMBERIKAN PENJELASAN MENGENAI KEDUDUKANNYA MENERUSI AKHBAR.

+BAYANGKANLAH SEKIRANYA SEMUA ISU INI DIBANGKITKAN SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM, KITA TIDAK MEMPUNYAI RUANG UNTUK MEMBERIKAN PENJELASAN DI DALAM AKHBAR,+ TAMBAHNYA.

DITANYA CARA PARTI ITU MENCAPAI KEPUTUSAN SEPerti ITU, DATUK SERI DR LING BERKATA, JAWATANKUASA PUSAT PARTI YANG BERMESYUARAT SEMALAM BAGI MEMBINCANGKAN ISU INI BERMINAT UNTUK MENYATUPADUKAN PARTI.

+KAMI BERBINcANG DALAM BEBERAPA KUMPULAN KECIL DAN KEMUDIAN BERTEMU SEMULA Sambil BERSETUJU BAHAWA TIDAK SEHARUSNYA ADA PEREBUTAN,+ KATANYA. -- BERNAMA
1755MST 1A 07 90